

KANDUNGAN

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

RINGKASAN EKSEKUTIF	v
GLOSARI	vii
1. PENGENALAN	1
2. OBJEKTIF	2
3. LATAR BELAKANG IS	3
Sejarah Penubuhan	3
Ideologi	4
Matlamat	4
Kepimpinan	4
Keanggotaan	5
Wilayah Penguasaan	5
Sumber Kewangan	6
Eksploitasi Media Sosial	6
4. ANCAMAN KUMPULAN IS	7
Eksploitasi Ajaran Islam	7
Penolakan Sistem Pemerintahan Negara Islam Lain	8
Menyemarakkan Semangat Jihad Kumpulan-Kumpulan Militan	8
Kekejaman IS	8
Bahaya Pengaruh IS Di Luar Zon Konflik	9
Seruan Untuk Bertindak Balas	10
5. TAHAP ANCAMAN KESELAMATAN KEPADA MALAYSIA	10
Rakyat Malaysia Mudah Ter dorong Menyertai Jihad	10
Risiko-Risiko Keselamatan	12
Malaysia Berisiko Menjadi Hab Pembiayaan Pengganasan	14
Tindakan Pihak Berkuasa Malaysia	14

6. TINDAKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TERHADAP IS	15
Resolusi dan Kenyataan Pertubuhan Antarabangsa	15
Pemantapan Undang-Undang	16
Kenyataan Ulama Menentang IS	16
Penubuhan Pakatan Memerangi IS	17
7. RUMUSAN	17
8. SYOR	19
9. PENUTUP	19

RINGKASAN EKSEKUTIF

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

“*Ini adalah kerana kita telah melakukan perkara ini dan apabila kita kaitkan dengan maqasid syariah yakni menjaga agama, akidah, nyawa, akal maruah atau keturunan dan harta benda, maka Malaysia berada di atas landasan yang benar.*”

- YAB Perdana Menteri, 9 April 2014

Pemantauan kerajaan ke atas kumpulan militan Islamic State (IS) menunjukkan ia memberi impak yang besar kepada keselamatan negara. Tindakan Abu Bakr al-Baghdadi mengisytiharkan diri sebagai khalifah seluruh umat Islam menggambarkan agenda antarabangsa IS untuk menubuhkan Daulah Islamiah. Dengan keanggotaan seramai 31,500 militan tempatan dan asing, IS berjaya menguasai beberapa wilayah di Syria dan Iraq. Sumber kewangan yang stabil mengukuhkan lagi kedudukan IS. Penggunaan media sosial bagi mendapatkan sokongan turut memberi cabaran kepada kerajaan.

2. IS yang berpegang kepada ideologi Salafi-Jihadi telah menyalahgunakan ajaran Islam khususnya pengertian jihad. IS juga mengkafirkan orang Islam yang tidak sehaluan selain melakukan pembunuhan ke atas orang bukan Islam. IS turut menolak sistem pemerintahan negara-negara Islam lain yang tidak melaksanakan syariah. Selain itu, kemunculan IS turut menyemarakkan semangat jihad dalam kalangan kumpulan militan yang telah mengisytiharkan bai'ah kepada IS.
3. IS sering melakukan kekejaman dan perbuatan tidak berperikemanusiaan. Keganasan ini tidak terhad di Syria dan Iraq tetapi mula merebak ke luar zon konflik. IS turut menyeru umat Islam supaya menyerang kepentingan Barat dan memerangi negara-negara yang menindas penduduk minoriti Islam.

RINGKASAN EKSEKUTIF

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

4. Pengalaman Malaysia menangani ancaman radikalisme, ekstremisme dan pengganasan menunjukkan usaha pemuliharaan pengaruh ideologi ekstrem sukar dilakukan. Oleh yang demikian, penularan ideologi militan adalah membimbangkan. Rakyat Malaysia dilihat mudah terdorong untuk menyertai IS disebabkan keinginan untuk mati syahid, kepercayaan bahawa perang di Syria adalah peperangan akhir zaman dan perasaan simpati terhadap penderitaan umat Islam di Syria.
5. PDRM telah mengenal pasti seramai 39 rakyat Malaysia menyertai kumpulan militan di Syria dan Iraq. Selain itu, seramai 40 orang yang terpengaruh dengan ideologi militan telah ditahan oleh pihak PDRM termasuk mereka yang telah pulang dari Syria.
6. Malaysia berhadapan risiko keselamatan berikutan kepulangan militan-militan dari Syria dan Iraq. Mereka berpotensi bertindak bersendirian melakukan serangan. Selain itu, mereka yang tidak berpeluang ke zon konflik juga boleh terdorong untuk melakukan aktiviti radikalisme dan pengganasan.
7. Beberapa negara telah memantapkan undang-undang antipengganasan. Pada masa yang sama, badan-badan antarabangsa dan para ulama terkemuka telah mengeluarkan resolusi atau kenyataan menentang ideologi dan tindakan IS. Malaysia turut menyokong resolusi dan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai IS.
8. Oleh kerana usaha menangani ancaman IS semakin mencabar, kerajaan perlu bertindak segera untuk membendung pengaruh IS. Kertas putih ini mengesyorkan satu undang-undang baru yang sesuai digubal untuk membanteras dan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti militan dan kumpulan pengganas serta pemerkasaan undang-undang sedia ada bagi membolehkan pihak berkuasa bertindak dengan lebih berkesan.

GLOSARI

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

AS	Amerika Syarikat
ASG	Abu Sayyaf Group
AQI	Al Qaeda in Iraq
BIFF	Bangsamoro Islamic Freedom Fighters
GCC	Gulf Cooperation Council
IS	Islamic State
ISA	Internal Security Act 1960
ISI	Islamic State of Iraq
ISIL	Islamic State of Iraq and the Levant
JI	Jemaah Islamiah
JTJ	Jamaat al-Tawhid wal-Jihad
KMM	Kumpulan Militan Malaysia
MIT	Mujahidin Indonesia Timur
MSC	Mujahideen Shura Council
OIC	Organization of Islamic Cooperation
PDRM	Polis Diraja Malaysia
POCA	Prevention of Crime Act 1959
SOSMA	Security Offences (Special Measures) Act 2012
TWJ	Tawheed Wal Jihad
UAE	United Arab Emirates
UNSC	United Nations Security Council
Zon konflik	Syria dan Iraq

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

“KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE”

PENGENALAN

1. Sejak awal lagi kerajaan Malaysia telah memantau dan mengawasi pelbagai gerakan radikal dan penyebaran ideologi ekstrem. Kemunculan kumpulan militan Daulah Islamiah atau lebih dikenali sebagai Islamic State (IS) akibat ketidakstabilan di Syria dan Iraq dilihat mula memberi kesan secara langsung terhadap keselamatan Malaysia. Perjuangan IS untuk menubuhkan sebuah negara Islam dengan menggunakan keganasan jelas bertentangan dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kerajaan bimbang tentang gejala pengganasan dan pengaruh ideologi ekstrem IS yang dibawa pulang oleh rakyat Malaysia setelah menyertai konflik di Syria dan Iraq. Pada masa yang sama, penularan pengaruh IS dalam negara melalui media sosial juga adalah semakin meluas.
2. Pemantauan oleh kerajaan menunjukkan sebilangan rakyat Malaysia tertarik untuk ke Syria dan Iraq kerana terpengaruh dengan dakyah IS bahawa perperangan di Syria adalah perperangan akhir zaman. Sehingga penghujung Oktober 2014, Polis Diraja Malaysia (PDRM)¹ mengenal pasti seramai 39 orang rakyat Malaysia menyertai pelbagai kumpulan militan di Syria dan Iraq. Daripada jumlah tersebut, 17 orang terlibat dalam kumpulan IS manakala 22 orang menyertai Ajnad al-Sham.² Enam orang daripada mereka merupakan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 iaitu lima orang bekas anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan seorang bekas anggota Jemaah Islamiah (JI)³. Sehingga kini, seramai lima orang telah terbunuh termasuk seorang pengebom berani mati di Iraq.⁴
3. Malaysia menolak IS kerana ideologi Salafi-Jihadi yang diperjuangkan oleh kumpulan ini adalah berlandaskan ekstremisme dan keganasan. Malaysia berdiri teguh bersama masyarakat antarabangsa untuk menentang kumpulan pengganas ini kerana perjuangan IS mencemarkan nama baik Islam dan bertentangan dengan nilai kemanusiaan.

¹ Statistik PDRM, 5 November 2014.

² Kumpulan Ajnad al-Sham adalah salah satu kumpulan militan yang terlibat dalam konflik di Syria.

³ KMM: Mohd Lotfi bin Ariffin, Zainuri bin Kamarudin, Mohd Rafi bin Uddin, Sarnad bin Shukri dan Murad Halimuddin bin Hassan; JI: Zid Saharani bin Mohd Esa.

⁴ Mohd Lotfi bin Ariffin, Mohd Fadlan Shahidi bin Mohd Khir, Zainan bin Harith, Muhammad Afiq Heusen bin Rahizat dan Ahmad Tarmimi bin Maliki. (Rujuk Lampiran A).

4. Kerajaan Malaysia sentiasa bertindak tegas terhadap setiap tindakan yang melanggar undang-undang khususnya pengganasan. Beberapa ancaman keganasan berhasil ditangani melalui sokongan padu dan kerjasama erat setiap golongan masyarakat. Antaranya mematahkan ancaman pengganas komunis sejak tahun 1948 yang berjaya diatasi sepenuhnya pada tahun 1989. Terbaru ialah kejayaan menangani serangan ke atas Lahad Datu oleh kumpulan pengganas Sulu pada Februari 2013, di mana usaha-usaha berterusan dilaksanakan untuk menjamin keselamatan di pantai timur Sabah.

5. Sebagai sebuah negara yang mempelopori kesederhanaan dalam semua aspek, Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk mendedahkan bahawa fahaman ekstrem IS adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan perlembagaan negara. Dalam hal ini, kerajaan telah dan akan mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya. Bagi menghadapi ancaman ini, seluruh rakyat Malaysia khususnya umat Islam harus bersatu padu dan meningkatkan semangat ukhuwah Islamiah serta mengingati bahawa sejarah kemakmuran negara adalah berlandaskan keamanan dan toleransi antara kaum. Di samping itu, Malaysia akan mempertingkatkan usaha menjelaskan istilah jihad yang sebenar serta memperbetulkan persepsi Barat yang kerap mengaitkan Islam dengan keganasan.

OBJEKTIF

6. Objektif Kertas Putih ini dikeluarkan adalah seperti berikut:

- i) mendedahkan bahaya fahaman radikal dan ekstrem IS yang bertentangan dengan ajaran Islam, amalan demokrasi dan nilai kemanusiaan;
- ii) menyedarkan rakyat Malaysia supaya tidak terpengaruh dengan ideologi IS yang menggugat keselamatan dan kestabilan negara; dan
- iii) mencadangkan langkah-langkah bersepada berdasarkan undang-undang khusus untuk menangani ancaman pengganasan.

LATAR BELAKANG IS

Sejarah Penubuhan

7. Sejarah penubuhan IS berakar umbi daripada Al Qaeda. Kumpulan ini bermula dengan Jamaat al-Tawhid wal-Jihad (JTJ) yang ditubuhkan oleh Abu Musab al-Zarqawi pada 1999. JTJ telah menyatakan ikrar taat setia kepada Osama bin Laden pada 2004 dan menukar nama kepada Al Qaeda in Iraq (AQI).
8. Untuk mengukuhkan kepimpinan beliau, al-Zarqawi menyatukan enam kumpulan bersenjata di Iraq di bawah nama Mujahideen Shura Council (MSC) pada Januari 2006 termasuk AQI. Selepas kematian al-Zarqawi yang terbunuh ekoran operasi tentera Amerika Syarikat (AS) pada 7 Jun 2006, MSC mengumumkan pelantikan Abu Ayyub al-Masri sebagai pemimpin.
9. Al-Masri mempunyai impian yang lebih besar dan memilih nama baharu iaitu Islamic State of Iraq (ISI) pada Oktober 2006 dan melantik Abu Omar al-Baghdadi sebagai pemimpin ISI. Kedua-dua mereka ini telah terbunuh pada April 2010 susulan serangan tentera AS. Kematian Abu Omar al-Baghdadi menyaksikan kepimpinan ISI diambil alih oleh Abu Bakr al-Baghdadi, pemimpin IS ketika ini.
10. Abu Bakr al-Baghdadi telah mengumumkan penukaran nama ISI kepada Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL) pada April 2013 bagi menggambarkan penubuhan negara Islam berkhalifah yang merangkumi kawasan Iraq, Syria, Jordan, Lubnan, Palestin, Israel, Cyprus, Hatay di selatan Turki dan Semenanjung Sinai di Mesir. Selepas itu, pada Februari 2014 Al Qaeda di bawah pimpinan Ayman al-Zawahiri mengisyiharkan bahawa ISIL bukan lagi sebahagian daripada Al Qaeda. Ini berikutan tindakan al-Baghdadi mendesak semua kumpulan yang bernaung di bawah Al Qaeda di Syria supaya berbai'ah (sumpah taat setia) kepada beliau sekali gus menolak kepimpinan al-Zawahiri. Kejayaan ISIL menawan beberapa bandar di Syria dan Iraq⁵ telah mendorong kumpulan ini mengumumkan penubuhan IS pada 29 Jun 2014. Al-Baghdadi mengisyiharkan diri sebagai khalifah dan menyeru semua umat Islam berbai'ah kepadanya. Sebenarnya, seorang khalifah mesti mendapat persetujuan negara-negara Islam, pertubuhan-pertubuhan ulama dan umat Islam di seluruh dunia.⁶ Sebaliknya, tindakan al-Baghdadi ini gagal mendapat sokongan dan pengiktirafan tersebut.

⁵ Peta kawasan penguasaan IS (Rujuk Lampiran B).

⁶ Surat Terbuka oleh Council on American-Islamic Relations (CAIR) pada 19 September 2014.

Ideologi

11. IS berasal daripada golongan pelampau yang berpegang kepada ideologi Salafi-Jihadi. Ideologi ini memperjuangkan penubuhan Daulah Islamiah melalui perang serta mengkafirkan pemerintah Islam yang tidak menegakkan hukum syariah. Kumpulan ini memberi tafsiran berbeza terhadap sempadan dan batas-batas jihad di mana mereka menolak definisi jihad sebenar yang berasaskan kepada al-Quran dan Sunnah. Ini membolehkan mereka membunuh sesiapa sahaja tanpa mengira orang Islam atau bukan Islam. Mereka juga menghalalkan tindakan yang lebih agresif dan kemasuhan harta benda walaupun melibatkan hak saudara seagama mereka sendiri.

Matlamat

12. Pada 29 Jun 2014, al-Baghdadi menyatakan bahawa matlamat IS adalah untuk menubuhkan sebuah negara Islam berkhilafah melalui perjuangan bersenjata⁷ dan menganggap negara Islam lain tidak mengikut syariah Islam. IS menyeru semua umat Islam berhijrah ke Syria dan Iraq untuk menjayakan penubuhan Daulah Islamiah⁸ dan berhasrat mengembangkan ideologi kumpulan itu ke seluruh dunia. IS juga menyokong perjuangan bersenjata penduduk minoriti Islam yang ditindas. Tindakan ini dilihat akan meningkatkan lagi pergolakan di negara-negara berkenaan.

Kepimpinan

13. Kepimpinan tertinggi IS terdiri daripada para militan yang pernah dipenjarakan iaitu khalifah IS, Abu Bakr al-Baghdadi; komander tentera IS, Abu Omar al-Shishani; dan jurucakap IS, Abu Muhammed al-Adnani.

14. Al-Baghdadi,⁹ 43 tahun, pernah ditahan pada tahun 2004 hingga 2009 di Camp Bucca, Iraq yang turut menempatkan 24,000 tahanan termasuk nasionalis daripada Parti Ba'ath¹⁰ dan kumpulan-kumpulan Sunni lain yang menentang pendudukan AS. Di kem ini dipercayai lahir satu kolaborasi antara para militan untuk mencetuskan idea penubuhan IS.

⁷ Ucapan Abu Bakr al-Baghdadi pada 29 Jun 2014.

⁸ Ucapan Abu Muhammed al-Adnani pada 29 Jun 2014.

⁹ Rujuk Lampiran C.

¹⁰ Ba'ath adalah parti pemerintah semasa pemerintahan Saddam Hussein.

15. Al-Shishani¹¹ atau nama sebenar Tarkhan Batirashvili, 28 tahun, dilahirkan di Birkiani, Georgia dan turut dikenali sebagai "Omar the Chechen". Al-Shishani pernah berkhidmat dalam angkatan tentera Georgia pada tempoh 2006-2010. Beliau telah ke Syria pada tahun 2012 dan membentuk kumpulan Jaish al-Muhajirin wal-Ansar yang bekerjasama dengan IS menentang kerajaan Presiden Bashar al-Assad. Berasaskan pengalaman ketenteraan beliau, al-Shishani dilantik sebagai komander IS di utara Syria pada 2013. Selanjutnya, beliau dilantik sebagai komander tentera IS pada Jun 2014.

16. Al-Adnani¹² berusia 37 tahun dilahirkan di wilayah Idlib, Syria. Al-Adnani menyertai pejuang asing menentang tentera AS di Iraq sejak tahun 2003. Beliau merupakan seorang jurucakap yang sangat berkesan dalam menyampaikan propaganda IS melalui media sosial.

Keanggotaan

17. Jumlah kekuatan keseluruhan IS dianggarkan 31,500 orang terdiri daripada rakyat tempatan dan militan asing. Menurut Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC), dianggarkan terdapat 15,000 orang militan asing dari lebih 80 buah negara sedang menyertai konflik di Syria dan Iraq, termasuk dari Perancis, Britain, Jerman, Belgium, Australia, AS, Tunisia, Arab Saudi, Maghribi, Jordan, Indonesia, Singapura, Filipina dan China.¹³ Bilangan militan asing ini berjaya dikumpulkan oleh IS hanya dalam tempoh dua tahun berbanding 10 tahun yang diperlukan oleh Al Qaeda di Afghanistan untuk mengumpul kurang daripada 10,000 orang anggota. Selain itu, IS turut berjaya merekrut militan asing dari negara yang tidak pernah dikaitkan dengan aktiviti pengganasan seperti Chile dan Maldives. Pengaruh IS yang begitu meluas adalah sesuatu yang amat berbahaya kepada masyarakat antarabangsa, termasuk Malaysia.

Wilayah Penguasaan

18. Sepanjang penglibatan IS dalam konflik di Syria dari 2012 hingga 2014, kumpulan itu telah berjaya menguasai Deir al-Zour serta Raqqa¹⁴ yang telah dijadikan pusat operasi mereka. Pada masa yang sama, mereka berjaya mengumpul kekuatan dari segi persenjataan, anggota, kewangan serta pengalaman perang sebelum masuk semula ke Iraq pada 2014.

¹¹ Rujuk Lampiran D.

¹² Rujuk Lampiran E.

¹³ Laporan UNSC, 29 September 2014 (S/2014/770).

¹⁴ Rujuk Lampiran B.

19. Sementara itu di Iraq, IS telah berjaya menguasai sebahagian besar kawasan yang merangkumi antara lain, Anbar, Nineveh, Salahaddin, Babel serta sebahagian Kirkuk dan Diyala. Kejayaan ini banyak dibantu oleh kabilah-kabilah Sunni dan bekas anggota parti Ba'ath yang dipinggirkan oleh bekas Perdana Menteri Nouri al-Maliki. IS mendapat kelebihan daripada elemen-elemen "Ba'athist" yang mempunyai pengalaman luas dan menguasai bidang strategi ketenteraan dan perisikan sepanjang 25 tahun pemerintahan bekas Presiden Saddam Hussein. Kawasan yang dikuasai IS dianggarkan mempunyai antara 9-13 juta penduduk Iraq. Kawasan tersebut juga mempunyai kira-kira 11 peratus rizab minyak dan gas Iraq.

Sumber Kewangan

20. Selepas berjaya menguasai beberapa wilayah di Syria dan Iraq, IS telah mengumpul nilai aset hampir RM7 bilion. Di samping hasil penjualan minyak di pasaran gelap sebanyak RM3 juta sehari, IS juga mempunyai wang simpanan sejumlah RM1.4 bilion hasil rampasan daripada Bank of Mosul. Manakala artifak-artifak sejarah di wilayah penguasaan IS dianggar bernilai kira-kira RM3 bilion.¹⁵ Sumber kewangan ini telah mengukuhkan lagi kedudukan IS dan membolehkan kumpulan ini meluaskan penguasaan dan pengaruh.

Eksplotasi Media Sosial

21. IS mengeksplotasi sepenuhnya media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan Twitter bagi mendapatkan sokongan serta merekrut anggota baharu khususnya golongan belia bagi merealisasikan agenda kumpulan itu.

22. IS menggunakan pelbagai bahasa, termasuk Inggeris, Perancis dan Indonesia dalam menyampaikan propaganda bagi menarik umat Islam dari seluruh dunia untuk berjihad. Penyebaran propaganda yang turut melibatkan majalah dalam talian membolehkan IS meraih sokongan kumpulan sasaran.

¹⁵ Laporan UNESCO, 30 September 2014.

ANCAMAN KUMPULAN IS

Eksplorasi Ajaran Islam

23. Kumpulan militan IS telah menyalahafsirkan ajaran Islam khususnya mengenai konsep jihad. IS percaya bahawa matlamat penubuhan negara Islam hanya dapat dicapai dengan "Jihad Peperangan". Pendekatan ini bertentangan dengan pendirian para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah bahawa jihad membawa pengertian yang lebih besar, termasuk melindungi keselamatan negara, mempertahankan kesucian agama, memelihara nyawa, melindungi keluarga dan keturunan, mempertahankan maruah diri serta melindungi harta benda. Pendirian ini juga mempunyai persamaan dengan pendirian para ulama dan mufti di Malaysia.

24. Sebenarnya, pengertian jihad dalam mempertahankan diri dan negara perlu selari dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Hajj, ayat 39 yang bermaksud "Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya dan sesungguhnya Allah Amat Berkusa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan)." Manakala keizinan berperang tanpa melampaui batas diterangkan dalam surah al-Baqarah, ayat 190 yang bermaksud "Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan) kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."

25. Kumpulan militan IS juga memesongkan maksud sebenar hijrah. Mereka menyeru penyokong-penyokong berhijrah ke Syria dan Iraq sedangkan keluarga yang ditinggalkan tersebut berhadapan dengan pelbagai kesulitan. Ini bertentangan dengan ajaran Islam iaitu tanggungjawab utama ketua keluarga adalah untuk memastikan kebajikan keluarga dipenuhi terlebih dahulu sebelum mengutamakan perkara lain.

26. IS sewenang-wenangnya mengkafirkan orang Islam yang tidak sehaluan dengan pendiriannya dan menghalalkan pembunuhan mereka. Prinsip ini bertentangan dengan ajaran Islam sebenar yang berpegang teguh kepada persaudaraan dan keharmonian sesama masyarakat.

27. Selain itu, IS juga melakukan pembunuhan serta pemusnahan harta benda orang awam bukan Islam, walhal Islam menjamin kebebasan beragama dan meletakkan tanggungjawab kepada pemerintah untuk memelihara hak-hak orang bukan Islam dalam sebuah negara Islam.

Penolakan Sistem Pemerintahan Negara Islam Lain

28. IS menolak sistem pemerintahan negara Islam lain yang tidak melaksanakan syariah mengikut acuannya, bahkan menganggapnya sebagai sesat atau taghut. Bagi IS, hanya sistem pemerintahan mereka sahaja yang menepati kehendak Islam. Namun, pada hakikatnya sistem IS tidak bertoleransi langsung dengan sesiapa yang menentang mereka khususnya orang bukan Islam. IS memaksa orang bukan Islam membayar jizyah atau cukai khas sekiranya tidak mahu diperangi atau diusir keluar dari wilayah mereka. IS juga bertindak kejam menggunakan kekerasan terhadap rakyat tanpa mengira wanita dan kanak-kanak. IS turut menjatuhkan hukuman bunuh sewenang-wenangnya tanpa memberi hak untuk membela diri. Pendirian IS ini bertentangan dengan amalan demokrasi berparlimen berdasarkan raja berperlembagaan di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk serta mengamalkan toleransi antara kaum dan agama.

Menyemarakkan Semangat Jihad Kumpulan-Kumpulan Militan

29. Ancaman IS semakin merbahaya kerana ideologi negara Islam mirip IS bukan fenomena baharu tetapi telah diperjuangkan oleh JI di Indonesia, Malaysia, Singapura, Brunei serta selatan Filipina. Kemunculan IS menyemarakkan semula semangat jihad kumpulan-kumpulan militan serantau yang selama ini telah dibendung oleh pihak berkuasa keselamatan negara berkaitan. Tambahan pula, kumpulan-kumpulan tersebut, termasuk JI, Mujahidin Indonesia Timur (MIT), Tawheed Wal Jihad (TWJ), Abu Sayyaf Group (ASG) dan Bangsamoro Islamic Freedom Fighters (BIFF) telah melakukan bai'ah kepada IS.

30. Malaysia berhadapan ancaman yang sama kerana fahaman Salafi-Jihadi pernah diperjuangkan oleh kumpulan-kumpulan militan tempatan termasuk JI, Al-Maunah, KMM, Darul Islam Sabah dan Tanzim Al-Qaeda Malaysia. Peningkatan pengaruh IS boleh memberi inspirasi dan menghidupkan semula aktiviti kumpulan-kumpulan tersebut di Malaysia serta meningkatkan kebimbangan bukan sahaja dalam kalangan penduduk Islam tetapi juga bukan Islam negara ini.

Kekejaman IS

31. Kekejaman IS mendapat perhatian umum berikutan perbuatan tidak berperikemanusiaan seperti penyembelihan hidup-hidup dua warga AS iaitu James Foley dan Steven Sotloff serta dua warga Britain iaitu David Haines dan Alan Henning. Perlakuan kejam ini telah disebarluaskan oleh IS melalui media sosial bertujuan menimbulkan kegerunan di pihak musuh. Namun, insiden ini juga telah sekali gus mencemarkan imej Islam dan meningkatkan lagi sentimen Islamofobia di seluruh dunia.

32. Kekejaman IS juga dapat dilihat daripada penganiayaan terhadap kaum minoriti Yazidi dan Turkmen yang diusir dari perkampungan masing-masing di Mosul dan Amirli, Iraq. Perbuatan keji IS turut melibatkan pemusnahan masjid-masjid Syiah¹⁶ serta pembunuhan beramai-ramai ke atas tahanan anggota tentera Iraq dan orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak. Misi PBB di Iraq melaporkan bahawa sepanjang bulan Oktober 2014, IS telah melakukan pembunuhan ke atas sekurang-kurangnya 1,273 orang.¹⁷ IS juga tidak teragak-agak membunuh penduduk sesama Sunni seperti dalam insiden pembunuhan pada awal November 2014 yang melibatkan sejumlah 322 orang termasuk 50 wanita dan kanak-kanak di perkampungan Albu Nimr, Anbar.¹⁸

Bahaya Pengaruh IS Di Luar Zon Konflik

33. Insiden keganasan akibat pengaruh ideologi ekstrem IS turut berlaku di luar zon konflik. Antara insiden yang dilaporkan ialah:

- i) pada 24 Mei 2014, Mehdi Nemmouche, seorang anggota Sharia4Belgium melakukan serangan dan membunuh empat orang awam di Muzium Yahudi Belgium di Brussels. Beliau pernah ke Syria dan mempunyai hubungan dengan militan Islam. Sharia4Belgium ialah antara kumpulan ekstrem yang menyokong IS;
- ii) pada 24 September 2014, kumpulan Jund al-Khalifa di Algeria yang menyatakan sokongan terhadap IS telah menyembelih seorang pelancong warga Perancis, Hervé Gourdel sehari selepas pihak pakatan antarabangsa pimpinan AS melancarkan serangan udara ke atas IS di Syria;
- iii) pada 24 September 2014 juga, dua anggota polis antipengganas Australia telah ditikam di Melbourne, Australia oleh Abdul Numan Haider yang dipercayai menyokong IS; dan
- iv) pada 22 Oktober 2014, di Ottawa, Kanada seorang pesimpati IS, Michael Zehaf-Bibeau telah menembak pengawal Memorial Perang Kanada, dan selepas itu melakukan serangan dalam bangunan parlimen negara itu. Beliau telah ditembak mati.

¹⁶ Rujuk Lampiran F.

¹⁷ Laporan Misi PBB di Iraq, 1 November 2014.

¹⁸ Laporan Kementerian Hak Asasi Manusia Iraq, 2 November 2014.

Seruan Untuk Bertindak Balas

34. Seruan al-Adnani menggesa umat Islam yang tidak dapat berjuang di Syria agar melancarkan serangan ke atas warga dan kepentingan Barat, khususnya AS, Australia, Kanada dan Perancis¹⁹ sebagai tindak balas terhadap serangan udara oleh pasukan pakatan antarabangsa pimpinan AS adalah ancaman yang serius. Ini memandangkan penyokong-penyokong IS dan mereka yang terpedaya dengan dakyah kumpulan itu boleh menyerang kepentingan negara-negara pakatan tersebut di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

35. Sementara itu, al-Baghdadi telah menghasut penduduk Islam yang ditindas di beberapa buah negara termasuk Indonesia, Myanmar dan Filipina untuk bangkit memerangi ketidakadilan yang dilakukan oleh kerajaan mereka.²⁰ Tindakan ini akan memburukkan lagi pergelakan di negara-negara berkenaan yang akan turut menjelaskan kestabilan serantau dan keselamatan di sempadan Malaysia.

TAHAP ANCAMAN KESELAMATAN KEPADA MALAYSIA

Rakyat Malaysia Mudah Terdorong Menyertai Jihad

36. Seruan jihad oleh kumpulan militan IS amat berpengaruh kerana ia berasaskan tuntutan agama Islam tetapi telah dimanipulasi sehingga ada rakyat Malaysia yang terdorong menyertai IS atas beberapa sebab berikut:

- i) segelintir rakyat Malaysia percaya bahawa penyertaan dalam konflik di Syria adalah jalan untuk mati syahid. Mereka menganggap perang di Syria adalah perang di jalan Allah yang menjanjikan syurga kepada sesiapa yang terkorban. Sebaliknya, Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-106²¹ merumuskan penyertaan umat Islam negara ini dalam kumpulan militan IS di Iraq dan Syria adalah bertentangan dengan hukum syarak dan kematian mereka tidak dikategorikan sebagai mati syahid. Ini berdasarkan hujah bahawa kumpulan tersebut memerangi dan membunuh sesama Islam;

¹⁹ Ucapan al-Adnani pada 21 September 2014.

²⁰ Ucapan al-Baghdadi pada 29 Jun 2014.

²¹ Kenyataan Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-106 di Kuala Terengganu pada 23 Oktober 2014.

- ii) sementara itu, sebilangan rakyat Malaysia terpanggil untuk ke Syria dan Iraq kerana terpengaruh dengan dakyah IS bahawa perperangan di Syria ketika ini dianggap menjurus kepada perperangan akhir zaman yang dikenali sebagai peristiwa Malhamah Kubra. IS mengeksplorasi ayat al-Quran dan hadis mengenai peristiwa tersebut untuk menarik sokongan sehingga menyebabkan ramai yang terpedaya. Namun demikian, apa yang berlaku di Syria adalah perperangan sesama Islam, sekali gus membuktikan dakyah mereka adalah tidak selari dengan tuntutan Islam. Tambahan pula, perperangan ini hanya merupakan satu pertembungan politik dan konflik sektarian;
- iii) penderitaan penduduk Sunni di Syria disebabkan kekejaman dan penindasan pemerintahan al-Assad turut berjaya menarik simpati sebilangan rakyat Malaysia. Sentimen ini diperkuatkan oleh beberapa demonstrasi, termasuk yang berlaku di hadapan Kedutaan Syria di Kuala Lumpur pada Jun 2013 yang melibatkan lebih 1,000 penunjuk perasaan. Kehadiran penceramah-penceramah dari Syria yang anti-Assad menyemarakkan lagi semangat dalam kalangan sebilangan rakyat Malaysia untuk berjihad ke Syria. Walaupun ada yang ke Syria atas misi kemanusiaan, mereka dikhuatiri bersimpati dan terdedah kepada ideologi IS seterusnya menyertai kumpulan militan berkenaan. Antara rakyat Malaysia yang terdorong oleh faktor-faktor di atas ialah:
 - a) **Razif bin Mohd Ariff**
berumur 33 tahun, pernah belajar di Pakistan dan Yaman, bekerja sebagai kontraktor pembinaan, ditangkap di Lubnan oleh pihak perisikan tentera pada 18 Oktober 2012 dalam perjalanan ke Syria;
 - b) **Muhammad Razin Sharhan bin Mustafa Kamal**
berumur 24 tahun, bekas pelajar kolej, ditahan bersama Razif di Lubnan;
 - c) **Yazid bin Sufaat**
berumur 50 tahun, bekas pegawai tentera, bekas anggota KMM, bekas tahanan ISA, menjalankan aktiviti merekrut ahli baharu menggunakan Facebook untuk berjihad di Syria, ditahan oleh PDRM pada bulan Februari 2013;
 - d) **Wan Mohd Aquil bin W.M. Zainal Abidin**
berumur 35 tahun, bekas ahli muzik, juga dikenali sebagai Akel Zainal;

- e) **Syamimi Faiqah binti Sulaman**
berumur 20 tahun, bekas penuntut kolej, pergi ke Syria dan berkahwin dengan Akel Zainal;
- f) **Muhammad Aqif Heusen bin Rahizat**
berumur 22 tahun, bertanggungjawab membantu perjalanan militan Malaysia dari Istanbul ke Syria, telah terbunuh di Syria;
- g) **Ummi Khalsom binti Bahak**
berumur 24 tahun, pekerja swasta, berhasrat untuk berkahwin dengan Aqif tetapi telah ditahan sebelum berlepas ke Syria;
- h) **Hassanbusamah bin Suleiman**
berumur 30 tahun, tiada pekerjaan tetap, telah ditahan sebelum berlepas ke Syria;
- i) **Ahmad Tarmimi bin Maliki**
berumur 26 tahun, pekerja kilang, telah menjadi pengebom berani mati di Anbar, Iraq pada Mei 2014;
- j) **Mohd Loffi bin Ariffin**
berumur 46 tahun, pengasas madrasah, bekas anggota KMM dan bekas tahanan ISA, terbunuh di Syria pada September 2014;
- k) **Zainan bin Harith**
berumur 52 tahun, bekerja sendiri, bekas anggota KMM dan bekas banduan, terbunuh di Syria pada Ogos 2014; dan
- l) **Mohammad Fadlan Shahidi bin Mohammad Khir**
berumur 21 tahun, pelajar sekolah pondok, terbunuh di Syria pada 9 September 2014.

Risiko-Risiko Keselamatan

37. Penglibatan rakyat Malaysia dalam konflik bersenjata di Syria dan Iraq jelas mendedahkan negara kepada risiko-risiko keselamatan seperti berikut:

- i) individu-individu yang terpengaruh dengan fahaman radikal dan ekstrem boleh merancang serangan di Malaysia. Maklumat yang diperoleh oleh pihak polis hasil soal siasat ke atas 11 suspek anggota sebuah sel yang ditangkap pada 28 April 2014 mendedahkan perancangan mereka untuk melancarkan serangan bom ke atas pusat-pusat hiburan di Kuala Lumpur, kilang minuman keras di Selangor dan bangunan kerajaan di Putrajaya. Malah, salah seorang suspek yang ditangkap telah pun membeli serbuk aluminium sebagai bahan untuk diadun menjadi bahan letupan;
- ii) militan-militan yang kembali dari Syria dan Iraq berpotensi meneruskan aktiviti pengganasan termasuk menu buhkan sel dan melakukan serangan. Mereka juga boleh mempengaruhi serta merekrut individu lain terutama golongan belia untuk menganggotai kumpulan militan. Ini kerana siasatan PDRM mendapati golongan belia merupakan kumpulan sasaran yang paling mudah dipengaruhi oleh dakyah IS. Anasir-anasir ini perlu disekat bagi mengelakkan Malaysia menjadi sarang pengganasan. Di samping itu, situasi harmoni di Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum yang menghormati agama dan kepercayaan lain akan terancam jika mereka terus memperjuangkan ideologi IS di negara ini;
- iii) militan-militan yang menyertai perang di Syria dan Iraq berpeluang membentuk jaringan sesama mereka. Jaringan ini boleh diteruskan apabila mereka pulang ke negara masing-masing sama ada secara langsung atau melalui media sosial. Mereka berpotensi melakukan tindakan pengganasan secara bersendirian (*lone wolf*) atau berkumpulan sama ada dalam Malaysia mahupun rentas sempadan;
- iv) kepulangan militan-militan tersebut juga akan meningkatkan risiko keselamatan di pantai timur Sabah yang sudah pun berhadapan dengan ancaman kumpulan ASG yang telah berbai'ah kepada IS. Tambahan pula, pada masa ini telah wujud hubungan antara militan Malaysia yang menyokong IS dengan ASG. Ini termasuk lima orang militan Malaysia yang dikenal pasti pernah bersembunyi di selatan Filipina.²² Penularan aktiviti militan ini juga boleh mewujudkan ketegangan kaum dan agama sekiranya pelampau agama termasuk Islam dan bukan Islam terus menggunakan isu-isu sensitif berkaitan agama untuk kepentingan masing-masing. Malah, dibimbangkan rangkaian IS yang wujud di Sabah boleh merebak ke Sarawak. Walaupun Sarawak berada dalam keadaan aman, negara masih belum lupa bahawa Sarawak pernah melalui masalah keselamatan akibat ancaman komunis;

²² Dr. Mahmud bin Ahmad, Mohd Najib bin Husien, Muhammad Joraime bin Awang Rairme, Mohd Amin bin Baco dan Jeknal bin Adil.

- v) pembebasan 250-300 orang tahanan kebanyakannya bekas anggota JI dari penjara Indonesia secara berperingkat bermula awal tahun 2015 dibimbangkan boleh memberi kesan terhadap keselamatan Malaysia. Ini kerana sebahagian daripada mereka yang berada dalam tahanan termasuk bekas pemimpin JI, Abu Bakar Bashir telah berbai'ah kepada IS. Selepas dibebaskan, mereka dikhuatiri bergabung atau mewujudkan hubungan dengan saki-baki anggota JI di Malaysia untuk membentuk jaringan IS. Malahan dilaporkan terdapat militan dari Malaysia dan Indonesia di Syria telah bertindak membentuk unit IS bagi Asia Tenggara yang dikenali sebagai Katibah Nusantara Lid-Daulah Islamiah; dan
- vi) IS bijak memanipulasi ayat-ayat al-Quran sehingga mampu menyebabkan seseorang menjadi radikal. Malah, mereka yang tidak berpeluang pergi ke Syria dan Iraq boleh ter dorong untuk bertindak bersendirian melakukan serangan pengganasan terhadap sasaran dalam negara. Serangan seperti ini telah pun berlaku di Australia dan Kanada seperti dihuraikan di atas.

Malaysia Berisiko Menjadi Hab Pembiayaan Pengganasan

38. Malaysia dilihat berisiko menjadi hab pembiayaan pengganasan sekiranya undang-undang yang ada sekarang tidak berkesan untuk mengekang pengaliran sumber kewangan bagi membantu gerakan militan di luar negara. Pihak berkuasa Australia telah mengesan penyaluran dana daripada kumpulan militan yang disyaki di negara tersebut ke dalam akaun individu tertentu di Malaysia.

Tindakan Pihak Berkuasa Malaysia

39. Sehingga 13 November 2014, PDRM telah menahan seramai 40 orang suspek di dalam negara. Tangkapan pertama dibuat pada 7 Februari 2013 di Ampang, Kuala Lumpur. Daripada jumlah tersebut, 21 orang telah dituduh di mahkamah [19 orang di bawah Kanun Keseksaan Bab VI A Kesalahan Berkaitan Keganasan dan dua orang di bawah Akta Senjata 1960 dan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971]. Manakala 19 orang lagi dibebaskan kerana tiada bukti yang lengkap untuk mendakwa mereka. Sebagai langkah berjaga-jaga, pihak kerajaan telah mengenakan sekatan terhadap mereka untuk ke luar negara dan diawasi oleh PDRM.

40. Selain itu, terdapat lima orang militan rakyat Malaysia yang telah pulang dari Syria di mana tiga daripada mereka telah ditahan sementara dua orang lagi dalam siasatan. Mengikut laporan PDRM, salah seorang yang ditahan adalah individu berisiko tinggi iaitu Mohammad Fauzi Misrak atau dikenali sebagai Abu Dayyan. Beliau diketahui sering berganding dengan seorang lagi rakyat Malaysia dikenali sebagai Abu Naeem yang merupakan salah seorang komander IS dan masih di Syria. Sebagaimana yang dibimbangkan, kepulangan veteran yang berpengalaman seperti Mohammad Fauzi boleh mengancam keselamatan negara. Ekoran penahanan tiga militan tersebut oleh pihak berkuasa, dijangka militan lain yang berhasrat untuk pulang akan menggunakan laluan tidak sah seperti di sempadan Malaysia-Thailand. Ini menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan kepulangan mereka.

TINDAKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TERHADAP IS

Resolusi Dan Kenyataan Pertubuhan Antarabangsa

41. Berikutan kemunculan ancaman IS, UNSC telah meluluskan dua resolusi antipengganasan iaitu Resolusi 2170 dan 2178 pada Ogos dan September 2014. Kedua-dua resolusi ini menetapkan bahawa negara-negara anggota PBB perlu mengekang pergerakan, pembiayaan dan perekutan pengganas.²³

42. Setiausaha Agung Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Iyad Ameen Madani dalam satu kenyataan pada 25 Julai 2014 telah mengutuk tindakan kejam IS ke atas rakyat Iraq beragama Kristian di Mosul dan Nineveh termasuk pengusiran dan ancaman bunuh yang memecahbelahkan struktur perpaduan masyarakat Iraq.

43. Setiausaha Agung Liga Arab, Nabil al-Arabi dalam satu kenyataan pada 11 Ogos 2014 telah menyeru ke arah tindakan ketenteraan dan politik dalam menghadapi ancaman IS dan elemen-elemen militan lain yang mengancam kedaulatan negara-negara Arab. Beliau turut menyatakan tindakan IS di Iraq adalah jenayah kemanusiaan dan menuntut supaya mereka yang terlibat dibawa ke muka pengadilan. Sementara itu, semua anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) bersetuju untuk memainkan peranan masing-masing dalam usaha menentang gerakan militan asing termasuk IS.

²³ Resolusi 2170 (15 Ogos 2014) dan Resolusi 2178 (24 September 2014).

44. ASEAN turut menyokong Resolusi UNSC 2170 dan 2178. ASEAN juga mengutuk semua tindakan kemusnahan, kekejaman serta keganasan dalam apa jua bentuk dan manifestasi, serta mengulangi pendirian untuk melaksanakan Konvensyen ASEAN Membanteras Keganasan (ASEAN Convention on Counter Terrorism) dan Konvensyen Komprehensif mengenai Keganasan Antarabangsa (ASEAN Comprehensive Plan of Action on Counter Terrorism). Kedua-dua konvensyen itu bertujuan mencegah dan menghapuskan keganasan serta menyekat rangkaian dan penyaluran dana.

Pemantapan Undang-Undang

45. Masyarakat antarabangsa juga telah mengambil langkah memantapkan lagi undang-undang antipengganasan bagi menangani ancaman IS. Antara negara yang telah mengambil langkah segera setakat ini ialah AS, Britain, Australia, Arab Saudi, Qatar dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Dalam kalangan negara ASEAN, Myanmar, Brunei, dan Filipina telah pun mempunyai undang-undang khusus untuk menangani ancaman pengganasan. Manakala Singapura dan Brunei masih menggunakan Internal Security Act (ISA).

46. Parlimen Australia telah meluluskan Counter-Terrorism Legislation Amendment (Foreign Fighters) Bill 2014 pada Oktober 2014. Undang-undang ini antara lain, bertujuan memperluaskan lagi bidang kuasa agensi keselamatan serta memudahkan pengenalpastian dan pendakwaan ke atas warga Australia yang pergi ke kawasan konflik yang disenaraikan. Undang-undang ini adalah tambahan kepada Anti Terrorism Act 2005.

47. Di Britain, kerajaan akan memperkenalkan undang-undang baharu bagi membolehkan pihak berkuasa membatalkan pasport warga Britain yang berhasrat ke kawasan konflik. Undang-undang ini adalah untuk memantapkan undang-undang sedia ada iaitu Terrorism Prevention and Investigation Measures Act 2011.

48. Sementara itu, AS pula telah memperkemaskan Patriot Act 2001 dengan memberi kebenaran kepada kerajaan dan pihak berkuasa untuk mengakses laman media sosial bagi mendapatkan maklumat peribadi warganya yang disyaki terlibat dalam keganasan.

Kenyataan Ulama Menentang IS

49. Beberapa ulama utama juga telah mengeluarkan fatwa bagi menyanggah IS. Sheikh Abdul Aziz al-Sheikh, Mufti Arab Saudi menyatakan bahawa IS adalah musuh nombor satu dunia Islam dan deklarasi penubuhan negara Islam oleh IS adalah bertentangan dengan syariat Islam.²⁴

²⁴ Fatwa Sheikh Abdul Aziz al-Sheikh, 19 Ogos 2014.

50. Sheikh Yusuf al-Qaradawi, Pengurus Kesatuan Ulama Islam Sedunia menyatakan bahawa deklarasi negara Islam oleh IS adalah menyalahi undang-undang syariah. Umat Islam sememangnya menantikan kemunculan Khalifah Islam tetapi apa yang dilakukan oleh IS adalah membahayakan umat Islam di Iraq dan Syria.²⁵

51. Sheikh Shawqi Allam, Mufti Besar Mesir pula menyatakan bahawa IS adalah entiti pengganas yang menyalahi Islam dan peraturan-peraturan syariah serta mencemarkan agama Islam.²⁶

Penubuhan Pakatan Memerangi IS

52. AS menggunakan pendekatan “melemahkan dan menewaskan” dalam memerangi IS dengan kerjasama masyarakat antarabangsa. Dalam perkembangan lain, Kongres AS pada Jun 2014 telah meluluskan peruntukan tambahan RM1.7 bilion bagi tujuan melatih dan membekalkan persenjataan kepada kumpulan pejuang berhaluan sederhana di Syria. Selanjutnya, pakatan antarabangsa telah melancarkan serangan udara pertama ke atas kedudukan IS di Aleppo, Raqqa dan Deir al-Zour, Syria yang disertai oleh Arab Saudi, Bahrain, Qatar, UAE dan Jordan bermula pada 23 September 2014. Setakat ini, lebih 60 buah negara telah menyertai pakatan memerangi IS. Selain itu, AS juga sedang mempertimbangkan peruntukan RM10 bilion untuk memerangi IS dan melatih tentera Iraq.

RUMUSAN

53. Kerajaan tidak boleh sama sekali memandang ringan ancaman IS kerana ia memberi impak yang besar kepada keselamatan negara. Usaha-usaha pencegahan perlu dilakukan bagi mengelakkan rakyat Malaysia daripada terus terlibat dengan aktiviti militan di zon konflik. Sekiranya tindakan tidak diambil, militan-militan ini yang mempunyai kepakaran ketenteraan, logistik dan keupayaan membuat bahan letupan mampu melakukan serangan secara bersendirian, menubuhkan sel-sel IS di Malaysia dan mewujudkan rangkaian dengan kumpulan militan yang ada di rantau ini. Pengalaman kerajaan menangani radikalisme dan pengganasan menunjukkan bahawa agak sukar menukar fahaman yang dijiwai sepenuhnya oleh kelompok militan kerana mereka menolak sama sekali pandangan-pandangan lain.

²⁵ Kenyataan Yusuf al-Qaradawi, 6 Julai 2014.

²⁶ Fatwa Sheikh Shawqi Allam, 12 Ogos 2014.

54. Penularan ideologi IS sama bahayanya dengan impak kepulangan militan-militan ini dan perlu ditangani secara berkesan untuk menghapuskan pengaruh kumpulan tersebut. Ideologi IS yang berpegang kepada prinsip “matlamat menghalalkan cara” telah menyebabkan kumpulan ini berani melakukan kekejaman. Terbukti secara jelas bahawa kekejaman yang dilakukan IS tidak berperikemanusiaan dan melampaui batas. Bagi kumpulan militan ini, nyawa manusia tidak mempunyai nilai langsung. Ini dapat dilihat apabila IS bertindak menyembelih manusia hidup-hidup, melakukan pembunuhan terhadap mereka yang dianggap musuh sesuka hati termasuk wanita dan kanak-kanak serta mengusir penduduk dari kampung halaman mereka. IS juga merampas dan memusnahkan harta benda, termasuk tempat tinggal, peninggalan sejarah dan tempat ibadat.

55. Tanpa sekatan, penularan ideologi IS mampu menimbulkan kekacauan dan konflik antara kaum dan agama di Malaysia. Tambahan pula, akses kepada media sosial yang digunakan IS telah menarik simpati dan memerangkap anak-anak muda Malaysia untuk menyertai kumpulan tersebut. Ini merupakan satu cabaran besar kepada kerajaan dalam usaha mengekang secara efektif penyebaran ideologi IS. Justeru, semua pihak dan bukan sahaja kerajaan berperanan memerangi IS di alam siber.

56. Malaysia adalah sebuah negara yang mempelopori kesederhanaan dan mengamalkan Islam berdasarkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Dalam hal ini, adalah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan dan rakyat Malaysia untuk memperbetulkan imej Islam yang telah dicemarkan oleh IS. Lebih parah lagi semua tindakan IS dibuat atas nama Islam. Kumpulan militan ini memanipulasi ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis sahih terutama berhubung seruan jihad untuk menubuhkan sebuah negara Islam dan menjustifikasi semua tindakan yang dilakukan. Keadaan ini telah menyebabkan pihak Barat menyamakan Islam dengan keganasan. Akibatnya, fenomena Islamofobia boleh meningkat. Dengan cabaran-cabaran ini, perundangan baharu yang khusus untuk menangani kumpulan militan perlu diwujudkan di Malaysia.

57. Kerajaan sebelum ini telah bertindak segera untuk menangani ancaman kumpulan pengganas melalui undang-undang sedia ada iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA, Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Kanun Keseksaan.

58. Dalam kes-kes militan, undang-undang sedia ada boleh diperkasakan bagi membolehkan pihak berkuasa bertindak dengan lebih berkesan. Bagaimanapun bagi menangani sebarang ancaman baru yang wujud, seperti IS, berkenaan keberadaan di kawasan konflik dan meninggalkan kawasan konflik dan kembali ke Malaysia, satu undang-undang khusus perlu digubal.

S Y O R

59. Sejajar dengan cabaran-cabaran yang telah dijelaskan di atas dan selari dengan tindakan negara-negara luar yang telah mengambil langkah memperkenalkan undang-undang antipengganasan, kerajaan mencadangkan satu undang-undang baru yang sesuai digubal untuk membanteras dan mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti militan dan kumpulan pengganas. Di samping itu, SOSMA, POCA dan Kanun Keseksaan wajar diperkasakan.

P E N U T U P

60. Adalah diharapkan Kertas Putih ini dapat menjelaskan mengenai bahaya IS dan tahap ancaman kepada keselamatan negara. Risiko keselamatan yang berpunca daripada IS jelas menunjukkan masalah ini perlu diatasi segera melalui penggubalan satu undang-undang khusus. Penglibatan rakyat Malaysia dalam aktiviti militan atas nama Islam telah memburukkan imej negara dan menjelaskan kesucian agama Islam. Seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama dan pegangan politik perlu menolak ideologi ekstrem dan yakin bahawa konsep wasatiyyah atau kesederhanaan adalah jalan terbaik untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan negara.

61. Malaysia terus komited untuk bersama-sama masyarakat antarabangsa dalam menangani ancaman pengganasan. Kerajaan yakin kerjasama ini akan turut menyumbang ke arah memperkuuhkan lagi keselamatan negara. Semua langkah ini akan memantapkan lagi usaha kerajaan untuk menangani ancaman radikalisme, ekstremisme dan sebarang aktiviti pengganasan.

LAMPIRAN

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN A

RAKYAT MALAYSIA TERBUNUH DI SYRIA



1. MOHD LOTFI ARIFFIN



2. MOHAMMAD FADLAN SHAHIDI
MOHD KHIR



3. ZAINAN HARITH



4. MUHAMMAD AFIQ HEUSEN
RAHIZAT




5. AHMAD TARMIMI MALIKI

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN B

PETA PENGUASAAN SEMASA IS & WILAYAH LEVANT



KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN C



IBRAHIM BIN AWWAD BIN IBRAHIM AL-BADRI AL-HUSSAINI AL-QURASYI
@ ABU BAKR AL-BAGHDADI


Umur 43 tahun, dilahirkan di Samarra, Iraq

- | | |
|------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Pendidikan | <ul style="list-style-type: none">- Ijazah Kedoktoran dalam Jurusan Pengajian Islam Universiti Islam Baghdad |
| Kerjaya Awal | <ul style="list-style-type: none">- Kerani Masjid di Baghdad- Penceramah Agama di Baghdad dan Fallujah |
| Aktiviti Militan | <ul style="list-style-type: none">- Dipenjarakan pada 2004 dan dipengaruhi dengan pemikiran radikal ketika dalam tahanan di Camp Bucca, Iraq- Menyertai AQI dan ISI di bawah pentadbiran Abu Musab al-Zarqawi sehingga 2009- Terlibat dalam penyeludupan pejuang asing ke Iraq sehingga dilantik sebagai Emir di Rawa yang bersempadan dengan Syria- Mengetuai beberapa kumpulan militan kecil sehingga akhirnya beliau dibawa masuk ke dalam MSC dan Majlis Perundangan ISI- Mengambil alih ISI selepas kematian Abu Omar al-Baghdadi- Washington menyenaraikan al-Baghdadi sebagai penganas pada 2011- Al Qaeda memutuskan hubungan dengan ISIS berikutan pertikaian antara al-Baghdadi dengan beberapa pemimpin kumpulan penentang di Syria dan Al Qaeda |

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN D



TARKHAN BATIRASHVILI @ ABU OMAR AL-SHISHANI (OMAR THE CHECHEN)

Umur 28 tahun, dilahirkan di Birkani, Georgia

- | | |
|---------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kerjaya Awal | - Anggota Tentera Georgia (Unit Risikan) |
| Kumpulan Yang Pernah Dianggotai | - Briged Muhamajireen & Jaish al-Muhamajireen wal-Ansar beroperasi di Syria |
| Jawatan Dalam IS | - 2013: Komander ISIS di utara Syria
- Jun 2014: Pemerintah Tentera IS |
| Latar Belakang | - Bekas anggota tentera Georgia dan berkhidmat dalam unit risikan tentera sewaktu perang lima hari antara Rusia dengan Georgia pada 2008
- Atas masalah kesihatan beliau digugurkan daripada pasukan tentera
- Dibebaskan 16 bulan kemudian kerana masalah kesihatan dan beliau meninggalkan Georgia ke Istanbul, Turki sebelum memasuki Syria untuk berjuang pada 2012 |
| Aktiviti Militan | - Bai'ah kepada Abu Bakr al-Baghdadi pada 2013
- Beliau telah disingkirkan sebagai ketua Jaish al-Muhamajireen wal-Ansar kerana sebahagian besar pejuang Chechen di Syria masih taat kepada Dukko Umarov pemimpin pejuang Chechen di Rusia ketika itu
- Atas pengalaman ketenteraannya, Batirashvili telah dilantik sebagai komander IS di utara Syria pada 2013
- Batirashvili dikatakan telah dilantik sebagai Ketua Tentera IS setelah kematian Abu Abdul Rahman al-Bilawi al-Anbari di Mosul pada Jun 2014
- Kejayaan terbesar beliau ialah menguasai pangkalan tentera udara Menagh di wilayah Aleppo pada Ogos 2013 |

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN E




TAHA SOBHI FALAH @ ABU MUHAMMED AL-ADNANI AL-SHAMI

Umur 37 tahun, dilahirkan di Idlib, Syria

- | | |
|------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Jawatan | <ul style="list-style-type: none">- Jurucakap Rasmi IS- Emir IS di Syria |
| Aktiviti Militan | <ul style="list-style-type: none">- Salah seorang militan asing pertama yang memerangi tentera pakatan AS di Iraq pada 2003- Ditahan oleh tentera pakatan AS pada Mei 2005 - 2010 |


LAMPIRAN F

GAMBAR-GAMBAR KEKEJAMAN IS



PEMBUNUHAN TENTERA SYIAH ALAWI DI SYRIA

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER



PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI TENTERA IRAQ

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER


KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMBUNUHAN TENTERA IRAQ
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER




PEMBUNUHAN BERAMAI-RAMAI TENTERA IRAQ
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER

KERTAS PUTIH


KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMUSNAHAN MASJID GOLONGAN SYIAH

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER



DEMOLISHING THE SHRINE AND TOMB OF AHMAD AR-RUSTI IN THE DISTRICT OF AL-MAHASIM




PEMUSNAHAN TEMPAT IBADAH GOLONGAN SYIAH

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER


KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMUSNAHAN GEREJA
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER




PEMUSNAHAN TEMPAT IBADAT GOLONGAN SYIAH
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMBUNUHAN TENTERA SYRIA
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER




PEMBUNUHAN WARGA AS, JAMES FOLEY (19 OGOS 2014)
SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMBUNUHAN WARGA AS, STEVEN SOTLOFF (2 SEPT. 2014)

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER




PEMBUNUHAN WARGA BRITAIN, DAVID HAINES (13 SEPT. 2014)

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER

KERTAS PUTIH

KE ARAH MENANGANI ANCAMAN KUMPULAN ISLAMIC STATE

LAMPIRAN F (Sambungan)



PEMBUNUHAN WARGA BRITAIN, ALAN HENNING (3 OKT. 2014)

SUMBER: AL-HAYAT MEDIA CENTER

